

Kenyataan ST
24 Disember 2025

Penetapan Tarif Kemudahan Gas bagi Tempoh Kawal Selia Ketiga dari 1 Januari 2026 Hingga 31 Disember 2028 di Semenanjung Malaysia

PUTRAJAYA, 24 Disember 2025 – Kerajaan pada 17 Disember 2025 telah bersetuju supaya semakan semula kadar purata tarif kemudahan gas di bawah rangka kerja kawal selia berasaskan insentif (*Incentive-Based Regulation* - IBR) untuk tempoh kawal selia ketiga (*Regulatory Period 3* - RP3) dilaksanakan seperti berikut:

- i. penetapan tarif asas kemudahan gas baharu bermula 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028; dan
- ii. pelarasan purata tarif yang dibenarkan bermula 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026.

Pelarasan tarif ini merangkumi empat (4) pemegang lesen kemudahan gas di bawah rangka kerja IBR, meliputi keseluruhan rangkaian infrastruktur gas negara iaitu:

- i. terminal penggasan semula milik Regas Terminal (Sg. Udang) Sdn. Bhd. (RGTSU);
- ii. terminal penggasan semula milik Pengerang LNG (Two) Sdn. Bhd. (RGTP);
- iii. talian paip penghantaran milik PETRONAS Gas Bhd. (PGB); dan
- iv. talian paip pengagihan milik Gas Malaysia Distribution Sdn. Bhd. (GMD).

Penetapan tarif asas RP3 dan tarif yang dibenarkan bagi tempoh 2026 adalah seperti berikut:

Pelarasan Tarif	RGTSU	RGTP	PGB		GMD
			Tarif T	Tarif C	
Unit	RM/Gigajoule(GJ)/hari				
Tarif Asas RP3	3.542	3.142	1.196	0.413	1.880
Tarif Dibenarkan 2026	3.540	3.103	1.204	0.388	2.114

*Nota: Untuk tarif kemudahan gas kepada Singapura (PGB Tarif C), pengguna dikehendaki membayar kedua-dua Tarif T dan Tarif C iaitu sebanyak RM1.592/GJ/hari (RM1.204/GJ/hari + RM0.388/GJ/hari).

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Penetapan purata tarif asas kemudahan gas bagi RP3 telah dilaksanakan melalui proses penilaian yang menyeluruh dan berasaskan prinsip kawal selia yang telus. Proses ini mengambil kira keperluan untuk memastikan jumlah hasil yang wajar bagi pemegang lesen, termasuk unjuran perbelanjaan modal dan operasi yang efisien bagi memastikan kelangsungan serta keboleharapan bekalan gas kepada pengguna. Di samping itu, pertimbangan turut diberikan kepada kemampanan perniagaan pemegang lesen serta kedudukan semasa industri dan pasaran gas negara yang sedang berkembang secara kompetitif.

Dalam pada itu, mekanisme pelarasan tarif turut dilaksanakan pada tahun 2024 bagi menyelaraskan sebarang perubahan hasil dan kos sebenar yang berlaku ke atas setiap pemegang lesen kemudahan gas, berbanding yang diunjurkan melalui dalam suatu tempoh kawal selia. Mekanisme ini turut berfungsi sebagai instrumen kawal selia untuk memupuk disiplin perbelanjaan yang berhemah, meningkatkan kecekapan operasi, serta memastikan pematuhan terhadap piawaian keselamatan dan tahap perkhidmatan yang ditetapkan demi kepentingan pengguna dan kestabilan sistem keseluruhan.

Perubahan purata tarif kemudahan gas tidak memberikan impak ketara terhadap bil pengguna akhir kerana komponen tarif ini pada asasnya bersifat tetap bagi menampung kos infrastruktur serta keselamatan rangkaian sahaja. Selain itu, kos penggunaan kemudahan gas merangkumi sebahagian kecil daripada struktur harga jualan gas dan tertakluk kepada rangka kerja kawal selia yang ketat, menjadikan kesan keseluruhan kepada pengguna akhir adalah minimum.

Penetapan tarif kemudahan gas baharu dijangka akan dapat diimbangi oleh penurunan kos molekul gas. Ini adalah berdasarkan jangkaan penurunan harga molekul gas mulai tahun 2026, yang didorong oleh unjuran kejatuhan harga minyak mentah global daripada sekitar USD69 setong pada suku keempat 2025 kepada sekitar USD64 setong pada suku pertama 2026. Oleh itu, pengguna dalam segmen penghantaran dan pengagihan gas dijangka menikmati pengurangan kos gas secara keseluruhan, dengan purata penurunan bil dianggarkan antara 1.97% hingga 3.75% bermula suku pertama 2026.

Sebagai badan kawal selia tenaga di Semenanjung Malaysia, Suruhanjaya Tenaga (ST) kekal komited untuk memastikan pelaksanaan tarif yang adil, telus dan mampan, dengan mengambil kira kepentingan semua pemegang taruh termasuk pengguna, industri dan pemegang lesen kemudahan gas. Penetapan dan penyelarasan tarif kemudahan gas ini merupakan langkah penting ke arah memperkukuh ekosistem

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

pembekalan tenaga negara yang saksama dan inklusif, di samping memastikan operasi pemegang lesen di terminal penggasan semula, talian paip penghantaran dan talian paip pengagihan dilaksanakan secara berkecekapan tinggi, berintegriti dan berakauntabiliti terhadap prestasi serta tahap keselamatan yang ditetapkan.

*****TAMAT*****

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.